

14 OCT 1998

Mahathir-ISA

ISA MASIH DIPERLUKAN DEMI KETENTERAMAN AWAM

SHAH ALAM, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau pernah membuat cadangan supaya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dihapuskan tetapi polis berpendapat undang-undang itu masih perlu untuk memelihara kepentingan keselamatan negara.

Katanya pihak penjaga keselamatan berpendapat "kita belum sampai ke tahap" di mana keselamatan negara dapat dipelihara tanpa undang-undang tersebut.

Dr Mahathir berkata tindakan golongan tertentu untuk mencetuskan huru-hara daripada demonstrasi-demonstrasi yang dianjurkan terutamanya di ibu kota dan kesan laporan media asing mengenai kejadian itu, menunjukkan betapa ISA masih perlu untuk menjaga ketenteraman dan keselamatan negara.

"Hari ini kita nampak jelas bahawa ada pihak-pihak di negara kita yang cuba cetuskan huru-hara. Bagi mereka ia hanya demonstrasi semata-mata tetapi bagi rakyat mata pencarian mereka sudah tergugat," kata beliau pada persidangan media selepas merasmikan Hari Perpaduan '98 peringkat kebangsaan di sini.

"Kalau ada rusuhan, perniagaan kecil tidak dapat diteruskan, media asing main gambar seolah-olah kita alami rusuhan sepanjang hari, setiap hari, dan pelancong tidak datang," katanya.

Akibat buruk yang timbul daripada keadaan itu, industri perhotelan menghadapi masalah dan sekarang kedatangan pelancong telah berkurangan sebanyak 25 peratus, katanya.

"Bagi orang ini mudah sahaja, mereka keluar dan demonstrasi tapi kesannya pada orang lain. Sebab itu kita perlu ada satu undang-undang yang mencegah tunjuk perasaan seperti ini," kata Dr Mahathir.

"Kita nak mansuh ISA, tapi rakyat harus faham bahawa mereka tidak harus pecah undang-undang. Kalau dia (terus) buat macam ini, inilah yang membuatkan adanya ISA."

Perdana Menteri berkata di negara-negara maju tidak ada rusuhan menyebabkan mereka tidak perlu undang-undang sedemikian.

"Tapi bila menghadapi rusuhan, mereka juga akan adakan undang-undang yang serupa," kata Perdana Menteri.

"Umpamanya saya percaya di Britain bila satu kumpulan disyaki terlibat dengan keganasan atau terrorisme, mereka dimasukkan ke dalam tahanan tanpa perbicaraan. Belum lagi berlaku satu jenayah tetapi ia merupakan langkah pencegahan," katanya.

"Jadi ISA juga satu langkah pencegahan untuk mencegah sesuatu daripada berlaku. Kalau dah berlaku lainlah pula," katanya.

Ditanya mengapa beliau mencadangkan ISA dimansuhkan, Dr Mahathir berkata: "Saya fikir dah aman, saya fikir orang Malaysia sudah dewasa, tidak lagi akan guna cara yang tidak baik tapi mematuhi undang-undang."

Perdana Menteri berkata sesiapa yang tidak berpuas hati dengan kerajaan boleh memilih untuk menukar kerajaan yang baru mengikut saluran demokrasi pada masa pilihan raya.

"Kalau ada masalah tidak puas hati dengan kerajaan, masa pilihan raya kita undi orang lain, kita jatuhkan kerajaan, tidak puas hati dengan undang-undang, kita pilih orang kita, dia akan tentukan undang-undang itu dimansuh termasuk ISA," kata beliau.

"Kita tidak sembunyi bahawa kita sokong ISA, semasa pilihan raya pun kita sokong ISA, tapi mereka pilih kita," kata beliau.

-- BERNAMA
AZH NMO